

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 26 November 2021

Bil. 04/2021

Ruj:(68)dIm.UNISEL/PP/01.05 Jld.I

**PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK, EDISI KEEMPAT,
CETAKAN PERTAMA, APRIL 2020:
PERUBAHAN SKIM PEMARKAHAN DENGAN NILAI GRED DAN PURATA NILAI GRED
KUMULATIF (PNGK) BAGI PENERIMA IJAZAH KELAS PERTAMA DENGAN CEMERLANG,
IJAZAH KELAS PERTAMA DAN KEDUA (TINGGI), UNIVERSITI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Perubahan Skim Pemarkahan Dengan Nilai Gred dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Bagi Penerima Ijazah Kelas Pertama Dengan Cemerlang, Ijazah Kelas Pertama dan Kedua (Tinggi), Universiti Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020, Bahagian 14.0 Perkara 14.1.3,: Peruntukan-peruntukan Am, memperuntukkan bahawa Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 2.2 Semakan semula dan penambahbaikan sentiasa perlu dilakukan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai seiring dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.
- 2.3 Mesyuarat Senat Kali Ke-198 (Bil. 8/2021) telah meluluskan cadangan Perubahan Skim Pemarkahan Dengan Nilai Gred dan PNGK bagi Penerima Ijazah Kelas Pertama dan Kedua (Tinggi), Universiti Selangor.
- 2.4 Susulan itu, Mesyuarat Senat Kali Ke-200 (Bil. 10/2021) telah turut meluluskan syarat tambahan bagi Penerima Ijazah Kelas Pertama perlu kekal dimasukkan ke dalam Buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat, Cetakan Pertama: April 2020 sebagaimana yang telah diputuskan Mesyuarat Senat Kali Ke-198 (Bil. 08/2021) bertarikh 25 Ogos 2021.

3.0 PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK: EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA: APRIL 2020 : BAHAGIAN 8.0 SISTEM GRED, PERKARA 8.1: SKIM PEMARKAHAN

- 3.1 Perkara 8.1.1 (M.S. 23):
Pindaan:

“Skim Pemarkahan adalah seperti di Jadual 8.1(a), Jadual 8.1(b) dan Jadual 8.1(c).”

3.2 Perkara 8.1.1 (M.S. 23):

Tambahan:

"Jadual 8.1(c): Skim Pemarkahan Dengan Nilai Gred*"

GRED BAHARU			
Markah	Gred	Nilai Gred	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Cemerlang
70 – 74	B+	3.33	Sangat Baik
65 – 69	B	3.00	Baik
60 – 64	B-	2.67	Baik
55 – 59	C+	2.33	Memuaskan
50 – 54	C	2.00	Memuaskan
47 – 49	C-	1.67	Lemah
44 – 46	D+	1.33	Lemah
40 – 43	D	1.00	Lemah
30 – 39	E	0.66	Gagal
0 – 29	F	0.00	Gagal

*Nota: Berkuat kuasa pada Semester November 2021 dan hanya melibatkan Pelajar Baharu Ambilan Semester November 2021 dan pelajar baharu ambilan semester seterusnya.

4.0 PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK: EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA: APRIL 2020 : BAHAGIAN 9.0: PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN, PERKARA 9.7 : KEDUDUKAN AKADEMIK

4.1 Perkara 9.7.2 (M.S. 32):

Pindaan:

"Kedudukan akademik pelajar ditentukan di akhir setiap semester dengan menggunakan kedudukan PNGK seperti di Jadual 9.1 dan Jadual 9.2."

4.2 Perkara 9.7.2 (M.S. 32):

Tambahan:

"Jadual 9.2: Kedudukan Akademik*"

KEDUDUKAN	PNGK SEMASA	PNGK BAHARU	KETERANGAN
Cemerlang (KC)	Dari 3.60 sehingga 4.00 ($3.60 \leq \text{PNGK} \leq 4.00$)	Dari 3.67 sehingga 4.00 ($3.67 \leq \text{PNGK} \leq 4.00$)	Boleh meneruskan pengajian
Baik (KB)	Dari 2.00 sehingga 3.59 ($2.00 \leq \text{PNGK} \leq 3.59$)	Dari 2.00 sehingga 3.66 ($2.00 \leq \text{PNGK} \leq 3.66$)	Boleh meneruskan pengajian
Bersyarat (KS)	Dari 1.70 sehingga 1.99 ($1.70 \leq \text{PNGK} \leq 1.99$)	Dari 1.70 sehingga 1.99 ($1.70 \leq \text{PNGK} \leq 1.99$)	Boleh meneruskan pengajian dengan hanya mengambil 12 jam kredit maksimum bagi Semester Panjang

			dan 6 jam kredit bagi Semester Pendek Bagi pelajar yang mendapat KS tiga (3) semester berturut-turut akan diberi Kedudukan Gagal (KG)
Gagal (KG)	Dari 0.00 sehingga 1.69 (0.00 ≤ PNGK ≤ 1.69)	Dari 0.00 sehingga 1.69 (0.00 ≤ PNGK ≤ 1.69)	Diberhentikan

*Nota: Berkuat kuasa pada Semester November 2021 dan hanya melibatkan Pelajar Baharu
Ambilan Semester November 2021 dan pelajar baharu ambilan semester seterusnya.

5.0 PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK: EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA: APRIL 2020 : BAHAGIAN 12.0: PENGIJAZAHAN, PERKARA 12.2 : KELAS IJAZAH

5.1 Perkara 12.2.1 (M.S. 37):

Pindaan:

“Kelas ijazah dianugerahkan berdasarkan kepada pencapaian PNGK terakhir seperti Jadual 12.1 dan Jadual 12.2”

5.2 Perkara 12.2.1 (M.S. 37):

Tambahan:

“Jadual 12.2: Pengkelasan Ijazah*”

PENGKELASAN BAHARU		
Kelas Kepujian	Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	Syarat Tambahan
Kelas Pertama Dengan Cemerlang <i>First Class With Distinction</i>	3.67 - 4.00	i- Memperolehi sekurang-kurangnya Gred B- bagi semua kursus yang diambil. ii- Tidak pernah menangguhkan pengajian sepanjang tempoh pengajian. iii- Tidak pernah dikenakan sebarang tindakan disiplin/tatatertib berat (contohnya kesalahan meniru ketika peperiksaan atau kesalahan lain ketika peperiksaan/kes jenayah) dan lain-lain kesalahan tertakluk kepada keputusan Universiti. iv- Pelajar yang mempunyai hutang tertunggak boleh dipertimbangkan berdasarkan kelulusan Universiti.
Kelas Pertama <i>First Class</i>	3.67 - 4.00	
Kelas Kedua (Tinggi) <i>Second Class</i>	3.00 - 3.66	

Kelas Kedua (Rendah) <i>Second Class (Lower)</i>	2.00 - 2.99	
--	-------------	--

*Nota: Berkuat kuasa pada Semester November 2021 dan hanya melibatkan Pelajar Baharu Ambilan Semester November 2021 dan pelajar baharu ambilan semester berikutnya.

4.0 TEMPOH KUAT KUASA


- 4.1 Pekeliling Pendaftar Bil.04/2021 ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Akademik: Edisi Keempat, Cetakan Pertama: April 2020.
- 4.2 Pindaan Perkara 8.1.1, 9.7.2 dan 12.2.1 dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 ini berkuat kuasa pada **Semester November 2021** dan hanya melibatkan **Pelajar Baharu Ambilan Semester November 2021 dan pelajar baharu ambilan semester berikutnya.**
- 4.3 Bagi pelajar semasa, Skim Pemarkahan Dengan Nilai Gred dan PNGK bagi Penerima Ijazah Kelas Pertama dan Kedua (Tinggi) sedia ada adalah masih terpakai.
- 4.4 Semua fakulti/pusat pengajian/sekolah/jabatan hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling Pendaftar Bil.04/2021 ini.
- 4.5 Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, mana-mana pekeling atau peraturan terdahulu serta pindaan-pindaan setakat mana yang bercanggah adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

'PENERAJU TRANSFORMASI'

Yang benar



HAJAH ROKMAH BINTI HAJI MAT
Pendaftar

S.k : YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)
: Bendahari